| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Ibu bapa punca kepincangan keluarga** | | |
| Date | **16. Sep 2008** | Language | **MALAY** |
| Media Title | **Berita Harian** | Page No | **13** |
| Section | **Hip** | Article Size | **870** cm2 |
| Circulation | **217920** | Frequency | **Daily** |
| Readership | **2083000** | Color | **Full Color** |
| | | AdValue | **15405.53** |







Sibuk bekerja, tak ambil berat aktiviti anak antara faktor keruntuhan institusi keluarga, gejala sosial

SEBAHAGIAN peserta terdiri daripada pakar akademik dan ahli NGO, berbincang pada Forum Konsultatif: Pengukuhan Institusi Keluarga dan Cabaran Keluarga Malaysia anjuran LPPKN, baru-baru ini.

# Ibu bapa punca kepincangan keluarga

Oleh Halina Mohd Noor
*halina@bharian.com.my*

BERHUTANG dengan along, ditipu bomoh, anak lari dari rumah, penderaan, bapa mengabaikan keluarga dan kesan teknologi maklumat (ICT) adalah antara dilema yang melemahkan institusi kekeluargaan pada masa kini. Perkara berkenaan dibangkitkan pada forum konsultatif anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), baru-baru ini oleh penceramah yang terdiri daripada pakar akademik, ahli pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dan pakar dalam bidang kekeluargaan.

Ketua Biro Aduan Awam MCA, Datuk Michael Chong, berkata bermula Januari hingga pertengahan Ogos tahun ini, beliau menerima 364 kes peminjam along daripada pelbagai kaum di negara ini dengan membabitkan kaum Cina sebagai peminjam tertinggi (275 kes), Melayu 54 kes dan India, 35 kes.

"Pelbagai faktor mendorong mereka meminjam. Lazimnya kaum Cina kerana berjudi, Melayu pula untuk mendapatkan modal perniagaan dan perbelanjaan di luar kemampuan, manakala India pula terpaksa menampung sara hidup dan pelajaran anak

"Jangan terkejut jika dikatakan kebanyakan peminjam adalah wanita terutama kaum Cina yang akhirnya terjebak ke kancah pelacuran demi membayar hutang. Suami yang meminjam juga melarikan diri dan ini mendorong ke arah membunuh diri," katanya.

Beliau mendedahkan, kebanyakan masalah anak lari dari rumah pula adalah berpunca daripada konflik dalam keluarga berkenaan yang tidak dapat dibendung lagi. Konflik biasanya membabitkan ibu bapa yang sering bergaduh menyebabkan anak tidak selesa di rumah.

"Biasanya inilah yang menjadi punca anak hilang. Mereka bukan diculik, tetapi melarikan diri kerana tidak mahu berada di rumah, mendengar ibu bapa bertekak. Ada juga yang lari kerana cinta tidak direstui keluarga. Lebih memeranjatkan, ada juga ibu atau bapa yang datang mengadu anak hilang di tadika atau sekolah. Selepas disiasat, rupa-rupanya ibu bapa ini sudah bercerai dan salah seorang daripada mereka mengambil anak tadi tanpa pengetahuan bekas pasangan mereka," katanya.

Masalah ditipu dan dirogol bomoh juga menarik perhatian peserta forum. Chong mendedahkan semakin ramai wanita masih percayakan bomoh bagi membantu menyelesaikan masalah mereka walaupun banyak kes menunjukkan helah bomoh yang suka menipu.

> *"Keluarga seperti benih, anak-anak seperti pokok. Keluarga yang baik akan menghasilkan anak-anak yang baik. Ibu bapa perlu memberi fokus kepada tiga peranan iaitu fizikal, sosial dan spiritual"*
>
> **Dr Mohammad Shatar Sabran**
> *Pakar Motivasi dan Pengarah Pusat Kokurikulum UPM*

"Bomoh hanya mengambil kesempatan melalikan mangsa dan akhirnya merogol mereka. Kononnya masalah akan selesai dengan syarat mereka menjalinkan hubungan kelamin dan dikatakan untuk memberi aura kepada pengadu.

"Amalan berjumpa bomoh seharusnya dihentikan bagi mengelakkan konflik dan trauma dalam keluarga kerana bomoh bernafsu serakah ini tidak kira anak gadis atau isteri orang untuk mengambil kesempatan," katanya.

Forum bertema Pengukuhan Institusi Keluarga dan Cabaran Keluarga Malaysia yang dirasmikan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Dr Ng Yen Yen itu dibahagikan kepada sesi plenari dan perbincangan.

Ia memfokuskan aspek membina keluarga berdaya tahan tinggi menghadapi cabaran keluarga masa kini, nilai keluarga dalam pembangunan modal insan dan bapa bertanggung jawab kunci kesejahteraan keluarga.

Turut sama dalam sesi perbincangan adalah Pakar Motivasi dan Pengarah Pusat Kokurikulum UPM, Prof Madya Dr Mohammad Shatar Sabran.



SHIRAZ YAZMIN ALI | BERITA HARIAN

DR Ng berbincang dengan Chong (dua dari kanan) dan peserta forum.

Beliau berkata, nilai keluarga hari ini semakin rapuh disebabkan sikap ibu bapa yang terlalu sibuk, kurang mengambil peduli aktiviti anak dan memewahkan mereka dengan wang ringgit. Ibu bapa yang kurang berperanan dan memikul tanggungjawab mendorong anak terbabit dengan gejala sosial seperti penagihan dadah, lepak, rempit, lari dari rumah dan seks bebas.

"Apabila lelaki dan wanita berkahwin, tugas membesar dan mendidik anak adalah tanggungjawab bersama. Ibu bapa juga harus fikirkan apakah cara dulu mendidik anak masih relevan untuk kita gunakan pada masa ini? Ibu bapa perlu menjadi abang, kakak, sahabat dan kawan kepada anak. Sebaiknya kita renungkan jika kita menjadi mereka. Fahami dan jiwai cita rasa mereka. Amalkan budaya berbincang dengan keluarga agar anak gemar bercakap dengan kita mengenai semua perkara," katanya.

Sesi plenari menyimpulkan agar keluarga perlu mengukuhkan keimanan, amalan agama dan mengamalkan komunikasi yang baik antara satu sama lain. Ini bermula dengan ibu bapa yang memainkan peranan masing-masing dalam keluarga dengan ciri-ciri AIDA iaitu Kesedaran (Awareness), Minat (Interest), Keinginan (Desire) dan Tindakan (Action).

Kemewahan hidup bukanlah segala yang menentukan kebahagiaan. Justeru, keluarga digalakkan hidup atau berbelanja mengikut kemampuan kewangan masing-masing. Bagaimanapun, isu kemiskinan juga perlu diberikan perhatian serius dengan melihat punca dan bukannya cabang masalah.